

**SOALAN LAZIM**  
**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2015**  
**KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD**  
**BAGI URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT**

**TAFSIRAN:**

**Perenggan 4:**

‘**ahli keluarga terdekat**’ bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, **bapa kandung** atau **bapa angkat**, ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat *de facto* dan anak pelihara.

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
1.	<p>Puan Yuhanis telah dipelihara dan dibesarkan oleh Encik Azlizal sebagai anak angkat yang sah disisi undang-undang. Puan Yuhanis juga masih mempunyai bapa kandung iaitu Encik Jasri.</p> <p>Bapa angkat Puan Yuhanis telah meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya. Adakah Puan Yuhanis layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi kematian bapa angkatnya, sedangkan beliau masih mempunyai bapa kandung?</p> <p>Adakah suami Puan Yuhanis juga layak mendapat kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi kematian bapa mentua (bapa angkat isteri) beliau?</p>	<p>Pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi kematian bapa angkatnya sebagaimana yang dijelaskan di perenggan 4 tafsiran ‘<b>ahli keluarga terdekat</b>’.</p> <p>Walau bagaimanapun kemudahan ini <b>tidak layak</b> digunakan sekiranya bapa kandung pegawai meninggal dunia kelak.</p> <p>Suami Puan Yuhanis tidak layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi kematian bapa mentua atau ibu mentua yang merupakan bapa angkat atau ibu angkat kepada pasangan pegawai.</p>

**PELAKSANAAN:  
'terhad bagi seorang ibu mentua dan seorang bapa mentua'**

**Perenggan 5 (ii):**

Bagi maksud kemudahan yang diperuntukkan untuk urusan kematian ibu mentua atau bapa mentua, kemudahan ini adalah terhad bagi seorang ibu mentua dan seorang bapa mentua sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan Kerajaan.

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>MAKLUM BALAS</b>
2.	<p>Encik Zainal merupakan seorang Pegawai Tadbir, Gred N41 di Jabatan Pertanian. Beliau mempunyai dua (2) orang isteri yang sah. Pada 20 Disember 2018, bapa kepada isteri kedua beliau telah meninggal dunia.</p> <p>Encik Zainal pernah menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat di atas kematian bapa isteri pertama beliau semasa beliau berkhidmat di Lembaga Pertubuhan Peladang.</p> <p>Adakah Encik Zainal layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat di atas kematian bapa mentua (bapa isteri kedua) beliau?</p>	<p>Pegawai <b>tidak layak</b> menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat di atas kematian bapa mentua (bapa isteri kedua) kerana pernah menggunakan kemudahan yang sama bagi kematian bapa mentua (bapa isteri pertama) beliau semasa berkhidmat di Lembaga Pertubuhan Peladang memandangkan kemudahan ini terhad sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan Kerajaan.</p>

**PELAKSANAAN:  
 ‘selepas waktu pejabat’**

**Perenggan 5 (iii):**

Cuti Tanpa Rekod ini hendaklah-

- (a) bermula pada tarikh kematian ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga berkenaan meninggal dunia **selepas waktu pejabat**;

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
3.	<p>Puan Teoh bertugas di Kementerian Dalam Negeri dan memilih waktu bekerja berperingkat (WP 1) iaitu dari 7.30 pagi hingga 4.30 petang. Pada pukul 4.45 petang 2 Julai 2018, beliau telah mendapat panggilan telefon anak sulungnya telah terlibat dalam kemalangan jalan raya dan meninggal dunia di tempat kejadian.</p> <p>Bilakah cuti tanpa rekod bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat bermula?</p>	<p>Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bagi Puan Teoh bermula pada 2 Julai 2018 sehingga 4 Julai 2018, walaupun pada 2 Julai 2018 tersebut, pegawai telah melengkapkan tempoh waktu bekerja pegawai.</p> <p>Dalam hal ini <b>“selepas waktu pejabat”</b> bermaksud selepas pukul 6.00 petang berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa, atau pindaannya dari semasa ke semasa.</p> <p>Sekiranya kematian berlaku selepas pukul 6.00 petang maka Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bermula pada hari berikutnya.</p> <p>Peraturan ini juga terpakai bagi pegawai yang waktu bekerja bukan pejabat/ syif.</p>

**Perenggan 5 (iii):**

Cuti Tanpa Rekod ini hendaklah-

- (b) meliputi hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am. Bagi maksud Pekeliling ini, maksud selepas waktu pejabat juga terpakai bagi hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
4.	<p>Puan Vasanthi merupakan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F41 bertugas di Universiti Malaya. Pada hari Sabtu, 29 Ogos 2018, pukul 6.30 petang beliau dimaklumkan ibunya telah meninggal dunia.</p> <p>Bilakah Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bermula?</p>	<p>Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bagi Puan Vasanthi bermula pada 30 Ogos 2018 sehingga 1 September 2018 iaitu termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.</p> <p>Dalam hal ini <b>‘selepas waktu pejabat’</b> bermaksud selepas pukul 6.00 petang berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa, atau pindaannya dari semasa ke semasa.</p> <p>Peraturan ini juga terpakai bagi pegawai yang waktu bekerja bukan pejabat/ syif.</p>

**PELAKSANAAN:**

**‘tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan’**

**Perenggan 5 (iv):**

Kemudahan ini adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan Ketua Jabatan boleh memanggil balik pegawai jika ketiadaan pegawai di tempat kerja boleh memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan awam.

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
5.	<p>Encik Keith Foo merupakan seorang anggota polis yang bertugas di sempadan negara. Jadual bertugas bagi bulan Julai 2018 telah dikeluarkan Ketua Jabatan. Semasa sedang bertugas pada 12 Julai 2015 pukul 4.30 petang, Encik Keith Foo telah menerima berita yang bapa mentuanya telah meninggal dunia.</p> <p>Adakah pegawai layak kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat?</p>	<p>Pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bagi kematian bapa mentuanya mulai 12 Julai 2018 sehingga 14 Julai 2018 tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Dalam hal ini Ketua Jabatan boleh memanggil balik pegawai untuk bertugas demi keselamatan negara atau kepentingan awam walaupun pegawai sedang bercuti.</p>

**PELAKSANAAN:  
 'dua kemudahan dalam satu masa'**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
6.	<p>Isteri Encik Amri telah melahirkan anak sulung mereka pada 15 Jun 2018. Namun begitu, dua (2) hari kemudian, anak beliau telah meninggal dunia.</p> <p>Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga atau kemudahan Cuti Isteri Bersalin?</p>	<p>Pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Isteri Bersalin (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2002) selama tujuh (7) hari mulai daripada tarikh isteri pegawai bersalin.</p> <p>Sekiranya pegawai sedang menggunakan kemudahan Cuti Isteri Bersalin sebanyak tujuh (7) hari mulai 15 Jun 2018 sehingga 21 Jun 2018, pegawai <b>tidak layak</b> menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat <b>berdasarkan prinsip 'hanya satu kemudahan dinikmati di dalam satu-satu masa'</b>.</p>

**PELAKSANAAN:  
 'Jika pegawai tidak menggunakan kemudahan ini selama tiga (3) hari berturut-turut bagi sesuatu kes kematian, baki yang tidak digunakan tersebut tidak boleh dibawa ke hadapan'**

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
7.	<p>Puan Saidatul telah diluluskan Cuti Tanpa Rekod bagi kematian bapa beliau mulai 10 Jun 2018 sehingga 11 Jun 2018 oleh Ketua Jabatannya memandangkan terdapat tugas-tugas penting yang perlu diselesaikan.</p> <p>Pada 20 Oktober 2018, anak angkat Puan Saidatul meninggal dunia. Bolehkan pegawai menggunakan baki satu (1) hari daripada tempoh Cuti Tanpa Rekod terdahulu yang tidak digunakan bagi membolehkan pegawai bercuti mulai 20 Oktober 2018 sehingga 23 Oktober 2018?</p>	<p>Pegawai tidak boleh menggunakan baki satu (1) hari daripada tempoh Cuti Tanpa Rekod terdahulu yang tidak digunakan bagi membolehkan pegawai bercuti mulai 20 Oktober 2018 sehingga 23 Oktober 2018.</p> <p>Kelulusan Cuti Tanpa Rekod bagi kematian anak angkat beliau tertakluk kepada tempoh tiga (3) hari berturut-turut bagi sesuatu kes kematian ahli keluarga terdekat yang dibenarkan.</p>